

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL 4/1999

PENYENARAIAN BANK DIDALAM JADUAL D ENAKMEN RIZAB MELAYU 1930 DAN JADUAL 26A ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 12.8.1998 telah membuat keputusan bersetuju meluluskan Institusi Kewangan dan Bank bagaimana di butiran 2 di bawah bagi membolehkan ianya menerima dan memegang gadaian tanah-tanah dalam Negeri Kelantan.

2. Institusi Kewangan dan Bank ini telah disiarkan di dalam Warta Kerajaan Kelantan untuk dimasukkan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938. Pewartaannya adalah seperti berikut :-

Bank / Institusi Kewangan	Jadual D		Jadual 26A (104)	
	No.Warta	K/Kuasa	No.Warta	K/Kuasa
1. Lembaga Tabung Haji	KN.PU. 19/98	17.12.98	KN.PU. 20/98	17.12.98

3. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Bank/Institusi Kewangan iaitu Lembaga Urusan Dan Tabung Haji adalah dengan ini dibatalkan.
4. Sehubungan dengan itu semua Pentadbir Tanah bolehlah menerima segala urusan yang berhubung dengan senarai yang terjadual di atas.

Sekian, terima kasih.

“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”

Yang menurut perintah,

t.t

(Md. Yusuf Bin Noh)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. Y.B.M Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.A. Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. Y.A. Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan
8. Y.Brs Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
9. Pengurus Bank/Institusi Kewangan Berkenaan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARUL NAIM
15576 KOTA BHARU.
BERTARIKH: 14 SYAWAL, 1419
01 FEBRUARI, 1999
FAIL: PTG.KN.4485(101)**